

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
(BUKIT GANTANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD [BUKIT GANTANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan laporan mengenai 1MDB memutuskan yang salah ialah Ahli Lembaga Pengarah 1MDB, persoalannya bagaimana kedudukan Perdana Menteri sebagai Pengerusi Lembaga Penasihat 1MDB, adakah beliau tidak mempunyai peranan untuk mengetahui perjalanan 1MDB dan tidak boleh menegur Ahli Lembaga Pengarah 1MDB.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Lembaga Penasihat 1MDB tiada fungsi pentadbiran dan hanya bertindak sebagai penasihat. Semua keputusan dan urusan niaga 1MDB dibuat oleh pihak

pengurusan dan Lembaga Pengarah 1MDB.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2016
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD [BUKIT
GANTANG]**

SOALAN : 357

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan kesedaran di kalangan ibu bapa untuk menghantar anak-anak belajar tahfiz semakin meningkat, adakah Maktab Rendah Sains MARA bercadang untuk membuka kelas tahfiz sains di seluruh negeri supaya dapat mengeluarkan teknokrat hafiz yang berkualiti.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Program SPMRSM Ulul Albab merupakan program pendidikan integrasi antara program pendidikan sedia ada (Sains Tulen) dengan program aliran agama termasuk Tahfiz al-Quran. Program SPMRSM Ulul Albab ini bermatlamatkan untuk melahirkan ahli profesional, teknokrat dan usahawan yang bukan sahaja berilmu pengetahuan tetapi mempunyai kemahiran dalam bidang keagamaan berlandaskan al-Quran dan al-Sunah.

Pada masa kini, terdapat 3 buah MRSM Ulul Albab iaitu MRSM Gemencheh, MRSM Kota Putera dan MRSM Kepala Batas.

Program Ulul Albab akan dilaksanakan di MRSM Sungai Besar, Selangor dan MRSM Semporna yang masih dalam pembinaan. Rancangan untuk menawarkan program Ulul Albab di seluruh negara akan dilaksanakan secara berperingkat dan mengikut keperluan.